

21 SEP 2002

BELANJAWAN-PERNIAGAAN/I

10 LANGKAH UNTUK BANTU SYARIKAT KURANGKAN KOS BERNIAGA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam telah mencadangkan 10 langkah di bawah Belanjawan 2003 untuk membantu syarikat-syarikat mengurangkan kos berniaga dan mempertingkatkan daya saing negara.

Di dalam Belanjawan yang dibentangkan di Dewan Rakyat itu, beliau membuat cadangan- cadangan berikut:

- + pembayaran untuk perkhidmatan yang diberikan di luar negara oleh bukan pemastautin tidak dikenakan cukai pendapatan. Sekarang bukan pemastautin dikenakan cukai pendapatan;
- + cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang tidak dapat dipungut dianggap sebagai hutang lapuk dan layak untuk mendapat pulang balik cukai;
- + kaedah pengiraan cukai jualan barangan buatan tempatan yang tidak seragam dengan kaedah yang digunakan bagi barangan import dicadang supaya diseragamkan dengan kaedah penilaian barangan import, iaitu berdasarkan nilai transaksi sebenar;
- + galakan Taraf Perintis dan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga dilanjutkan selamat tiga tahun sehingga 31 Disember 2005;
- + bagi menggalakkan syarikat melabur dalam peralatan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri, dicadangkan supaya tempoh hapuskira perbelanjaan modal ke atas peralatan penjimatan tenaga dipercepatkan daripada 3 tahun kepada 1 tahun;
- + pendapatan yang diterima bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor bukan pemastautin yang dikenakan cukai pendahuluan sebanyak 15 peratus ke atas syarikat dan 5 peratus ke atas pekerja dikurangkan kepada 10 peratus dan 3 peratus;
- + duti import 5 peratus dan 10 peratus dan cukai jualan 10 peratus ke atas beberapa jenis kertas berkualiti dikecualikan bagi menggalakkan percetakan buku yang menggunakan kertas berkualiti;
- + cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengiriman cepat ke luar negara sebanyak 5 peratus dikecualikan bagi mengurangkan kos penghantaran;
- + cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan profesional dalam kumpulan yang sama dikecualikan cukai perkhidmatan;
- + menaikkan nilai pengecualian daripada duti import dan cukai jualan bagi semua import melalui perkhidmatan ekspres kargo udara di KLIA kepada RM500 daripada RM200 dan diperluas kepada semua lapangan terbang antarabangsa di Malaysia. Namun pengecualian ini tidak meliputi rokok dan minuman keras.

Dr Mahathir berkata bahawa syarikat-syarikat milik tempatan yang mencatatkan peningkatan dalam eksport akan diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 30 peratus ke atas eksport yang ditambah itu.

Beliau mencadangkan bahawa syarikat-syarikat yang menembusi pasaran-pasaran baru diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus manakala bagi syarikat-syarikat yang mencatatkan peningkatan tertinggi dalam eksport menurut kategori-kategori diberikan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya.

Pada masa yang sama, penggalakan produk-produk Malaysia mestilah dilipat gandakan.

Kerajaan telah memperuntukkan hampir RM100 juta bagi sebuah pusat pameran di Bahrain dan akan menubuhkan pusat-pusat pameran seumpamanya yang mempunyai potensi pasaran bagi barangan negara.

Kerajaan akan memberikan sokongan penuh kepada mereka yang bercadang mempamerkan barangan mereka di pusat-pusat itu dan di pameran-pameran di luar negara.

Dr Mahathir berkata bahawa untuk memperolehi manfaat yang sepenuhnya, para peniaga patut berurusan secara langsung dengan rakan-rakan niaga mereka di negara-negara lain, tanpa membabitkan orang tengah.

Tambahnya bahawa kemudahan-kemudahan untuk berniaga secara langsung dengan pelanggan-pelanggan atau pembekal-pembekal di luar negara telah disediakan. -- BERNAMA

AKT FR OS